

**A***Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.*

Aku telah dibesarkan dalam kemewahan. Setiap permintaanku pasti akan dipenuhi oleh ayah dengan senang hati. Namun, segala-galanya berubah setelah aku ditugaskan di sebuah sekolah rendah yang terletak di kawasan pedalaman, di Ulu Terengganu.

Aku mengenali Ariffin setelah mengajar di kawasan pedalaman itu. Ariffin murid yang pintar. Setiap kali masuk ke dalam kelas, aku pasti akan memandangi ke arah Ariffin. Wajahnya seiras adik bongsuku. Pada pagi Isnin itu, aku mengambil kedatangan murid-muridku. Aku mendapati Ariffin tidak hadir ke sekolah. Pada mulanya, aku tidak menyangka apa-apa. Maklumlah dalam musim kemarau begini, banyak murid yang demam. Namun, setelah tiga hari berturut-turut Ariffin tidak hadir, hatiku mula berasa ragu dan bimbang.

“Ada sesiapa yang tahu mengapa Ariffin tidak hadir?” tanyaku kepada murid-murid Tahun Enam Cempaka. Zainal selaku ketua kelas, mengangkat tangannya, “Kamu tahu, Zainal?” tanyaku lembut. “Ya, cikgu. Ariffin tidak hadir ke sekolah kerana neneknya sakit,” jelas Zainal.

Pada petang itu, cuaca cerah. Aku pergi ke rumah Ariffin untuk mengetahui keadaan sebenar. Zainal menjadi jurupandu ke rumah Ariffin. Aku memandu kereta Proton Wiraku ke rumah Ariffin. Aku memandu dengan perlahan melalui jalan tanah merah sejauh tiga kilometer itu supaya tidak merosakkan jalan atau mengakibatkan debu berterbangan. Akhirnya kami tiba di hadapan sebuah rumah usang.

“Assalamualaikum,” aku memberi salam. Tidak lama kemudian, kulihat Ariffin terpacul di muka pintu rumahnya. Dia terkejut melihat kedatanganku. “Eh, Cikgu Taufik! Silalah naik,” kata Ariffin. Sebaik sahaja naik, kulihat sejujur tubuh terbaring di ruang tamu rumah itu. Tubuh itu diselimuti dengan gebar yang sudah luntur warnanya.

“Siapa Ipin?” tanya Nek Munah sambil matanya memandangi ke arahku. Aku segera duduk di sebelahnya. “Inilah Cikgu Taufik, nek. Cikgu Taufik inilah yang mengajar Ipin di sekolah,” terang Ariffin. “Terima kasih kerana mengajar cucu saya, cikgu,” kata Nek Munah. Aku terharu melihat suasana itu. Aku berazam untuk membantu Ariffin. Aku mahu Ariffin dan Nek Munah turut sama merasai kesenangan yang kumiliki.

1 Mengapakah penulis pasti memandangi ke arah Ariffin setiap kali masuk ke dalam kelas?

- A Kerana Ariffin selalu tidak hadir dan ponteng sekolah
- B Kerana Ariffin merupakan adik bongsu kepada penulis
- C Kerana Ariffin ialah seorang daripada anak muridnya yang pintar
- D Kerana wajah Ariffin mengingatkan penulis kepada adik bongsunya

2 Pada hari apakah penulis dan Zainal pergi ke rumah Ariffin?

- A Isnin
- B Rabu
- C Khamis
- D Jumaat

3 Mengapakah penulis hanya pergi ke rumah Ariffin pada sebelah petang?

- A Pada sebelah pagi, penulis sedang bertugas
- B Pada waktu pagi, penulis masih belajar di sekolah
- C Pada sebelah pagi, penulis terpaksa menjadi jurupandu Zainal
- D Pada waktu pagi, penulis terpaksa menyiapkan kerja-kerja rumah

4 Mengapakah penulis bersungguh-sungguh ingin pergi ke rumah Ariffin?

- A Kerana dia menyangka Ariffin sengaja ponteng sekolah
- B Kerana ingin melihat keadaan rumah dan keluarga Ariffin
- C Kerana Ariffin ialah seorang daripada murid kesayangannya
- D Kerana ingin mengetahui sebab sebenar Ariffin tidak hadir ke sekolah

5 Siapakah “aku” dalam petikan di atas?

- A Ariffin
- B Zainal
- C Nek Munah
- D Cikgu Taufik



*Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.*

Encik Amiruddin menunggu anaknya di stesen bas **sejak dari** pukul 10.00 pagi. (salah)  
Encik Amiruddin menunggu anaknya di stesen bas **sejak** pukul 10.00 pagi. (betul)

"**Semenjak dari** hari itu, dia tidak pernah lagi datang ke sini," kata Haikal kepada Alif. (salah)  
"**Semenjak** hari itu, dia tidak pernah lagi datang ke sini," kata Haikal kepada Alif. (betul)  
{Gugurkan perkataan 'dari' kerana perkataan 'sejak/semenjak' dan 'dari' adalah kata sendi yang sama maksud}

dari	akan	kepada	daripada	tentang
------	------	--------	----------	---------

- Adik Munirah terlalu sayang ..... ikan-ikan emas peliharaannya.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
- Sumbangan makanan kering itu telah disampaikan ..... mangsa-mangsa tsunami.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
- Bangunan muzium itu adalah peninggalan ..... zaman Kesultanan Melayu Melaka.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
- Berhati-hatilah di jalan raya untuk mengelakkan diri ..... ditimpa kemalangan yang ngeri.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
- Pihak kerajaan senantiasia mengambil berat ..... kebajikan golongan warga emas di negara ini.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_



*Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan menggunakan **tanda baca** yang betul.*

- setiap pagi ibu akan menyediakan sarapan untuk kami  
\_\_\_\_\_
- kenapa awak tidak datang ke majlis itu semalam awak terlupa tanya ekhwan  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- pada hari ahad yang lalu latif faizul dan wahid pergi berkelah ke pulau pangkor  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- tolong kemaskan bilik ini dahulu sebelum tidur kata datin maria kepada pembantu rumahnya  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- rosli daud kata kamu hendak pergi ke langkawi bulan hadapan betulkah tanya mak cik aminah  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**D**

Pilih kata nama am atau kata nama khas yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong.

- Nur Fadhilah menaiki Feri \_\_\_\_\_ untuk pergi ke Pulau Langkawi.  
A Komuter                      C Langkasuka  
B Limousin                      D Transnasional
- Tempoyak ialah sejenis makanan yang dibuat daripada \_\_\_\_\_.  
A nanas                      C nangka  
B durian                      D rambutan
- \_\_\_\_\_ merupakan satu daripada model yang dipasarkan oleh Proton Edar.  
A Rusa                      C Citra  
B Waja                      D Kelisa
- Encik Hamdan masih menggunakan pengimbas \_\_\_\_\_ yang sudah berusia lima tahun.  
A Wira 1.5GLI                      C Unser 1.8 GLX  
B Yamaha 125Z                      D Cannon FB 630P
- Chef Zuraini gemar menggunakan minyak masak \_\_\_\_\_ untuk setiap resipi lauk-pauk yang disediakan.  
A Caltex                      C Vesawit  
B Dumex                      D Johnsons
- Setiap hari Hairullah dan adiknya menunggang \_\_\_\_\_ pergi ke sekolah.  
A beca                      C basikal  
B pedati                      D motosikal
- Alias mengikat sebilah pisau pada galah buluh itu untuk mengambil jantung \_\_\_\_\_.  
A pinang                      C pisang  
B kelapa                      D jagung
- Setinggi-tinggi \_\_\_\_\_ terbang, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.  
A pipit                      C merpati  
B kenari                      D bangau
- Usman Awang ialah antara \_\_\_\_\_ yang terkenal di negara kita.  
A novelis                      C jutawan  
B seniman                      D wartawan
- Ayah dan emak Abdul Jamil telah berangkat ke \_\_\_\_\_ untuk menunaikan umrah selama sepuluh hari.  
A Turki                      C Mekah  
B Mesir                      D Baghdad

**E**

Pilih penjodoh bilangan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- Zahid mendeklamasikan beberapa \_\_\_\_\_ sajak sempena sambutan Hari Guru 2005.  
A untai                      C buah  
B baris                      D lembar
- Beberapa \_\_\_\_\_ air matanya berguguran setelah menerima keputusan UPSR.  
A titis                      C jalur  
B butir                      D gumpal
- Baru makan dua \_\_\_\_\_ sambal belacan sudah terasa pedasnya.  
A cubit                      C colek  
B sudu                      D genggam
- Di langit kelihatan beberapa \_\_\_\_\_ awan hitam sebagai tanda hari hendak hujan.  
A kepul                      C timbun  
B kepal                      D longgok
- Puan Aini membacakan se \_\_\_\_\_ pantun sebelum mengakhiri ucapannya.  
A jeda                      C buah  
B baris                      D rangkap
- \_\_\_\_\_ lebah membuat sarang di pohon getah tua itu.  
A sekomplot                      C sekumpulan  
B sepasukan                      D segerombolan
- Masukkan beberapa hiris bawang putih dan se \_\_\_\_\_ serbuk kari ke dalam gulai itu.  
A sudu                      C longgok  
B cubit                      D bungkus
- Berberapa \_\_\_\_\_ darah ayam di atas meja itu dilapnya dengan se \_\_\_\_\_ kain basah.  
A titik ... helai                      C colek ... lembar  
B titis ... keping                      D tompok ... carik
- Ibu menghadahi saya se \_\_\_\_\_ subang dan se \_\_\_\_\_ rantai emas.  
A butir ... utas                      C bentuk ... urat  
B buah ... urat                      D pasang ... utas
- Beberapa \_\_\_\_\_ pukut dimasukkan ke dalam \_\_\_\_\_ kotak oleh Pak Karim.  
A helai ... sebiji                      C rawan ... sebuah  
B buah ... sebutir                      D pasang ... seketul



Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

### Bahagian A

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]  
[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.



### BAHAGIAN A

Nombor Soalan	
---------------	--

-----

-----

-----

-----

-----

-----

-----

-----

10



### Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]  
[30 markah]

Andaikan kamu dan kawan-kawan kamu sedang berkelah di sebuah hutan lipur. Semasa berkelah, salah seorang rakan kamu mengalami peristiwa yang hampir meragut nyawanya.

Ceritakan bagaimana peristiwa itu boleh berlaku kepada kawan kamu itu.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan **pilih jawapan yang betul**.

mencadangkan	selamat	terselamat	meletakkan	bersendirian
berkelah	bergegas	seorang	mengikut	gembira

#### HAMPIR MENGUNDANG PADAH

Pada hari minggu yang lalu, aku, Ravi, dan Kim Leng pergi **...(1)...** di Hutan Lipur Lata Kinjang. Lata Kinjang terletak kira-kira 18 kilometer dari Tapah, Perak Darul Ridzuan. Kami membawa bekalan makanan, minuman, dan sepersalinan pakaian.

Setelah sampai di destinasi, kami **...(2)...** barang-barang di sebuah pondok yang disediakan. Kami mandi-manda dengan **...(3)...** sekali. Pada pagi itu, masih belum banyak orang yang mandi.

Ravi **...(4)...** kami pergi ke tempat yang airnya agak dalam. Di tempat itu, ada papan tanda yang melarang pengunjung mandi di situ. Ravi dan Kim Leng tidak memperdulikannya. Aku tidak mahu **...(5)...** mereka ke tempat tersebut.

Aku **...(6)...** mandi di tempat yang airnya tidak berapa dalam dan arusnya juga tidak berapa deras. Air di tempat aku mandi hanya mencecah paras dada sahaja. Aku rasa mandi di tempat yang tohor ini lebih **...(7)...** kerana aku tidak pandai berenang.

Tiba-tiba, aku terdengar suara Ravi menjerit meminta tolong. Aku **...(8)...** ke arahnya, aku lihat Ravi sedang terkapai-kapai di tengah sungai. Mujurlah ada **...(9)...** pemuda di situ, dia segera bertindak untuk menyelamatkan Ravi.

Ravi berasa amat bersyukur kerana **...(10)...** daripada lemas. Dia tidak menyangka peristiwa ngeri itu akan berlaku pada dirinya. Fikirlah sebelum melakukan sesuatu ... detik hatiku.

#### BAHAGIAN B

Nombor Soalan	
---------------	--

30



Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

### Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]

1. Tulis beberapa nilai murni/pengajaran yang kamu boleh dapati daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Wahidah baru sahaja pulang dari sekolah. Pada minggu ini, dia terpaksa melakukan kerja-kerja rumah kerana emaknya sedang mengikuti kursus di Pulau Langkawi. Dia menjaga adik-adik dengan baik. Sebagai anak yang sulung, dia sentiasa mendengar nasihat dan teguran daripada kedua-dua ibu bapanya. Dia melayan adik-adiknya dengan layanan yang baik dan penuh kasih sayang.

Setiap pagi sebelum bersiap ke sekolah, dia akan memastikan bilik tidurnya kemas dan bersih. Dia amat mementingkan kebersihan diri dan kebersihan tempat tinggalnya. Pakaian sekolahnya nampak bersih dan kemas. Uniform sekolah adik-beradiknya juga kelihatan bersih dan kemas. Dialah yang membasuh dan menggosok pakaian tersebut. Pada waktu petang pula, Wahidah dan adik-adiknya menyiram pokok-pokok bunga dan membersihkan persekitaran rumah mereka. Dia menyapu sampah sarap dan mengumpulkannya di dalam plastik. Dia amat sangat gembira jika kawasan tempat tinggal mereka kelihatan bersih dan cantik.

Nombor Soalan	
---------------	--

### Bahagian C


20
----

A

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

Air di tali air masih sejuk. Zainal menjuntaikan separuh daripada kakinya ke dalam air. Kesejukan terasa meresapi otot-otot kakinya yang agak pejal itu. Zainal duduk begitu seketika. Sesekali dia melirik kepada anak-anak ikan sepat dan puyu yang bermain-main mengelilingi kakinya. Zainal tidak mengendahkan gelagat anak-anak ikan itu.

Zainal melepaskan pandangannya ke tengah sawah. Padi sudah menguning. Pandangan begitu sungguh menyenangkan hatinya. Di sini dan di sana kelihatan pesawah sibuk menguruskan bendang mereka.

"Sudah tiba musim menuai," bisik hati kecil Zainal. Deruan jentera penuai padi semakin kuat mengisi ruang cuping telinganya. Zainal memanjangkan tengkuknya untuk memastikan dari arah mana bunyi itu datang. Ditengah-tengah sawah, kira-kira 200 meter dari tempat duduknya kelihatan dua buah jentera penuai padi mula bergerak. Zainal memerhatikan jentera berwarna kuning itu dengan penuh minat. Sebentar lagi, padi-padi ayahnya yang sedang menguning akan dituai.

"Ya Allah, murahkan rezeki kami pada tahun ini," pohon Zainal penuh harapan. Setelah puas melihat jentera kuning itu ke hulu ke hilir, Zainal pun mula membasuh kasut sekolahnya. Pada setiap minggu Zainal membasuh kasutnya sendiri. Sambil membasuh kasutnya, Zainal teringat kesukaran yang mereka alami pada tahun lalu. Pada tahun lalu, padi tidak dapat dituai dengan sempurna. Hujan lebat yang turun berminggu-minggu sewaktu padi masak menyebabkan jentera penuai tidak dapat digunakan.

"Zainal, hantar bekalan ayah kamu ini segera!" pinta Mak Normah separuh menjerit. Zainal tersentak dari imbasan kenangan lalu. Dia **bergegas** ke pintu rumahnya. Dia segera mencapai bekalan yang telah pun siap dimasukkan ke dalam raga plastik. Zainal mengayuh basikalnya dengan cermat. Kegopohan boleh menyebabkan bekalan yang dibawanya terjatuh. Setelah sampai di sawah, Zainal berhati-hati meniti batas-batas bendang yang kecil dan berlubang-lubang itu.

"Kenapa lambat sangat? Lihat di sana tu, mereka telah pun siap menuai padi kita," kata Pak Musa agak terkilan. Zainal meminta maaf kepada bapanya. Di tepi batas kelihatan deretan guni yang berisi padi yang baru dituai. Zainal tersenyum melihat deretan padi yang banyak itu.

"Syukurlah, tahun ini padi kita menjadi. Tahun ini kita mendapat 90 guni padi. Tahun lepas kita hanya mendapat kurang satu pertiga daripada hasil tahun ini," jelas Pak Musa dengan nada yang agak ceria.

Zainal hanya tersengih. Tanpa membuang masa, Zainal berlari meredah bendang yang baru dituai itu. Tunggul-tunggul pokok padi tidak dihiraukannya. Dia ingin menceritakan khabar gembira ini kepada ibunya dengan segera.

- Apakah perkara yang menarik hati Zainal?
 

A Deretan padi di dalam guni	C Anak-anak ikan yang bermain-main
B Sawah padi yang menguning	D Jentera penuai padi yang berwarna kuning
- Kenapa hasil padi keluarga Zainal pada tahun lalu tidak memuaskan?
 

A Ayah Zainal tidak menggunakan baja dengan sempurna
B Jentera penuai tidak dapat digunakan kerana tanah lembut
C Hujan yang turun berminggu-minggu menyebabkan padi masam
D Hujan lebat menyebabkan pokok-pokok padi dihanyutkan oleh air
- Berapakah guni padi yang mungkin diperoleh Pak Musa pada tahun lalu?
 

A 25 guni	B 30 guni	C 60 guni	D 90 guni
-----------	-----------	-----------	-----------
- Perkataan **bergegas** dalam petikan di atas bermaksud
 

A lari-lari	B baik-baik	C cepat-cepat	D deras-deras
-------------	-------------	---------------	---------------
- Apakah khabar gembira yang hendak disampaikan oleh Zainal kepada ibunya?
 

A Padi sudah dituai	C Harga padi meningkat
B Hasil padi bertambah	D Padi sedang menguning



**B** Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
 Sisipkan imbuhan “*memper-*” atau “*memper ...kan*” pada kata akar yang disediakan .

Datin Suraya **memperluaskan** perniagaan fabrik batiknya ke Sabah dan ke Sarawak. (salah)  
 Datin Suraya **memperluas** perniagaan fabrik batiknya ke Sabah dan ke Sarawak. (betul)  
 {Apitan “*memper ... kan*” menerima kata nama dan kata kerja, awalan “*memper-*” menerima kata adjektif}

Para pekerja Jabatan Kerja Raya sedang **memperlebar** jalan utama menuju ke Kuala Selangor. (salah)  
 Para pekerja Jabatan Kerja Raya sedang **memperlebar** jalan utama menuju ke Kuala Selangor. (betul)  
 {Apitan “*memper ... kan*” menerima kata nama dan kata kerja, awalan “*memper-*” menerima kata adjektif}

1. Model itu sedang ..... pakaian yang berasaskan fabrik batik asli tenun Terengganu (raga)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
2. Cikgu Hajah Norlian sedang ..... carta penulisan Bahasa Melayu kepada murid-muridnya. (lihat)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
3. Pihak kerajaan negeri Terengganu sedang ..... jalan menuju ke kawasan Hutan Lipur Sekayu. (lebar)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
4. Pihak pemaju perumahan sedang ..... longkang di kawasan itu bagi mengelak banjir kilat berlaku. (dalam)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
5. Kita perlu ..... usaha dan kesungguhan untuk memperoleh pencapaian akademik yang gemilang. (tingkat)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_



**C** Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan menggunakan imbuhan yang betul pada kata bergaris.

- 1 Zainal julur separuh daripada kedua-dua belah kakinya ke dalam air di parit itu.  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- 2 Sikap suka penting diri sendiri harus dikikis daripada setiap hati anggota masyarakat.  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- 3 Pak Ngah telah ubah lagu Irama Malaysia yang bakal dendang oleh Siti Nurhaliza.  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- 4 Anggota keluarga Damanhuri telah berjaya satu melalui rancangan Jejak Kasih taja TV3.  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- 5 Manan berlari harung bendang yang baru dituai untuk sampai berita gembira itu kepada ibunya.  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_



**D***Pilih kata ganti nama yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.*

- 1 Zaleha pergi ke pasar bersama-sama anaknya. \_\_\_\_\_ membeli pelbagai jenis barangan.  

A Dia	C Beliau
B Kalian	D Mereka
  
- 2 “Cikgu bolehkah \_\_\_\_\_ pergi berjumpa dengan ketua pengawas,” kata Farhana.  

A aku	C kami
B kita	D saya
  
- 3 Semua anak buahnya sayang akan mak long kerana \_\_\_\_\_ baik hati dan pemurah.  

A anda	C kalian
B awak	D beliau
  
- 4 “Di manakah \_\_\_\_\_ simpan buku cerita itu?” tanya kakak kepada Muhammad Anwar.  

A kita	C saya
B kami	D awak
  
- 5 “\_\_\_\_\_ berasa sungguh gembira kerana dapat bertemu dengan rakyat,” titah Raja Perlis.  

A Beta	C Hamba
B Patik	D Tuanku
  
- 6 “\_\_\_\_\_ akan berusaha untuk menjuarai kejohanan ini, tuanku,” kata ketua kontijen itu.  

A Beta	C Hamba
B Patik	D Tuanku
  
- 7 Maktab Rendah Sains Mara yang baru dibina itu terletak tidak jauh dari \_\_\_\_\_.  

A ini	C situ
B sini	D sana
  
- 8 Hanisah \_\_\_\_\_ tertib ketika menghidangi pelanggannya makanan yang dipesan.  

A sini	C begini
B situ	D begitu
  
- 9 Dia tidak tahu \_\_\_\_\_ tentang pertukaran pegawai pelajaran itu ke Pantai Timur.  

A bila-bila	C siapa-siapa
B apa-apa	D mana-mana
  
- 10 Murid-murid ditegah meletakkan basikal mereka di \_\_\_\_\_ yang mereka mahu.  

A bila-bila	C siapa-siapa
B apa-apa	D mana-mana

**E***Pilih perkataan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.*

- 1 Puan Hidayah sedang \_\_\_\_\_ ubi keledek di dapur.  

A merebus	C menanak
B menyalai	D menjerang
  
- 2 Cik Farhana \_\_\_\_\_ tepak sirih tembaga itu sehingga berkilat semula.  

A mencuci	C menggilap
B mengelap	D membasuh
  
- 3 Lampu belakang kereta Kancil itu pecah kerana di \_\_\_\_\_ oleh sebuah lori.  

A gilis	C rempuh
B lanyak	D senggol
  
- 4 Beberapa ekor anak harimau bintang sedang \_\_\_\_\_ di bawah pokok ara.  

A bermain	C bercanda
B bergurau	D bersenda
  
- 5 Segala nasihat daripada Ustaz Mohammad Ali begitu berkesan dan masih \_\_\_\_\_ dalam hatinya sehingga kini.  

A terjalin	C tersemat
B terlekat	D termaktub
  
- 6 Budak lelaki itu \_\_\_\_\_ lidahnya kepada adik saya.  

A menjelirkan	C menjalarkan
B melunurkan	D menghulurkan
  
- 7 Nenek Milah \_\_\_\_\_ air dari kolam untuk menyiram pokok bayam.  

A mengaut	C mencebok
B menyauk	D menceduk
  
- 8 Suaranya yang \_\_\_\_\_ itu menandakan ia sudah dewasa.  

A serak	C garau
B merdu	D nyaring
  
- 9 Pokok kobis mesti ditanam \_\_\_\_\_ supaya pokoknya hidup subur.  

A beratur-atur	C bertindih-tindih
B berbaris-baris	D bersusun-susun
  
- 10 Kepingan-kepingan isi kelapa itu \_\_\_\_\_ beberapa hari untuk dikeringkan sebelum dijual kepada para pembeli.  

A disalai	C diperam
B dibakar	D dipanggang



Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

**Bahagian A**

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]  
[10 markah]


1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.



**BAHAGIAN A**

Nombor Soalan	
---------------	--

Handwriting practice area with a dashed border and horizontal dotted lines.





### Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]  
[30 markah]

Kamu telah terpilih mewakili sekolah dalam pertandingan Bercerita Bahasa Melayu peringkat daerah. Ceritakan pengalaman kamu semasa menyertai pertandingan tersebut.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan **pilih jawapan yang betul**.

tekad	menemani	terlupa	penonton	pentas
debaran	lancar	mewakili	gugup	berasa

#### PENGALAMAN SEMASA MENYERTAI PERTANDINGAN BERCERITA

Saya berasa gembira kerana terpilih untuk **...(1)...** sekolah dalam pertandingan Bercerita Dalam Bahasa Melayu peringkat daerah. Setiap hari saya berlatih dengan bersungguh-sungguh. Cikgu, kawan-kawan, dan ibu bapa saya memberi perangsang kepada saya.

Pada hari pertandingan, saya **...(2)...** gementar. Tambahan pula, inilah kali pertama saya menyertai pertandingan bercerita. Cikgu Noridah, guru yang **...(3)...** saya sentiasa memberikan perangsang.

Semasa saya naik ke atas **...(4)...** untuk menyampaikan cerita tersebut, saya berasa gugup. Hal ini demikian kerana saya terpaksa berhadapan dengan **...(5)...** yang banyak. Ratusan mata bertumpu kepada saya. Bukan mudah untuk bercakap di khalayak ramai.

Namun begitu, saya menguatkan **...(6)...** dan semangat. Berbekalkan kata-kata perangsang daripada Cikgu Noridah, akhirnya saya dapat menghilangkan perasaan **...(7)...** dan darah gemuruh itu. Saya berjaya mengawal perasaan saya sendiri.

Dalam pada itu, saya dapat menyampaikan isi cerita saya dengan **...(8)...** dan bertenaga. Walaupun ada kalanya saya **...(9)...** akan fakta-faktanya, namun kelemahan itu dapat diatasi juga.

Setelah selesai pertandingan, semua peserta berdebar-debar menanti keputusan. Masa yang kami tunggu-tunggu, **...(10)...** makin memuncak. Apabila nama saya diumumkan sebagai johan, saya terpaku kerana tidak menyangka saya akan memenangi pertandingan tersebut.

#### BAHAGIAN B

Nombor Soalan	
---------------	--

30
----



Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

**Bahagian C**

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]  
[20 markah]

- 1. Tulis beberapa nilai murni/pengajaran yang kamu boleh dapati daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Gotong-royong merupakan satu daripada amalan yang baik dan memberi pelbagai faedah kepada masyarakat. Sikap kita bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran tempat tinggal contohnya, kita akan dapat mengatasi masalah pembiakan nyamuk Aedes dan pencemaran alam sekitar. Begitulah juga apabila kita bekerjasama menjaga dan membersihkan persekitaran taman permainan. Cara ini akan mengurangkan kos untuk membaiki semula alat-alat permainan tersebut. Justeru, kos dan upah pembinaan semula tidak perlu lagi dikeluarkan dan peruntukan tersebut boleh digunakan untuk tujuan yang lain pula.

Sesuatu kerja yang dilakukan secara bergotong-royong juga dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang ditetapkan. Amalan gotong-royong juga dapat menjalin semangat kejiwaan di kalangan penduduk setempat. Amalan ini juga dapat merealisasikan semangat muhibah antara kaum. Melalui aktiviti seumpama ini jaga dapat mengeratkan lagi perpaduan dan memupuk kemesraan antara kaum.

<b>Nombor Soalan</b>	
----------------------	--

**Bahagian C**

Area for writing answers to Bahagian C.

20

**A***Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.*

Tasik Kenyir merupakan empangan jana kuasa elektrik hidro terbesar di Malaysia yang meliputi kawasan seluas 369 kilometer persegi. Tasik ini juga merupakan destinasi pelancongan yang sangat menarik. Kawasan yang suatu ketika dahulu adalah kawasan hutan, kini telah menjadi sebuah tasik buatan manusia yang begitu luas bagi menghasilkan tenaga elektrik.

Tasik Kenyir mempunyai lebih 300 buah pulau yang berasal daripada puncak-puncak bukit yang telah tenggelam. Sebanyak 30 batang sungai mengalir ke Tasik Kenyir. Perkataan "Kenyir" berasal daripada nama Sungai Kenyir. Sungai ini sudah menjadi sebahagian daripada tasik tersebut.

Keunikan alam semula jadi tasik ini ialah tunjang-tunjang pokok mati yang berselerakan yang ditemui di sepanjang perjalanan. Keadaan ini seperti sebuah pengembaraan yang penuh cabaran yang terdapat dalam sesebuah filem. Kayu-kayu balak yang terapung seolah-olah raksasa yang menghuni dasar tasik. Namun, perasaan yang menyeramkan hilang apabila terdengar nyanyian merdu unggas serta deruan enjin bot.

Memancing ikan air tawar adalah salah satu aktiviti pelancongan yang terkenal di sini. Ikan air tawar yang banyak menghuni di tasik ini seperti ikan baung, toman, sebarau, kelah, dan kelisa. Ikan kelah dan kelisa adalah antara ikan yang menjadi buruan para pemancing.

"Jungle tracking" di kawasan hutan Tasik Kenyir juga adalah antara aktiviti yang mesti dilakukan. Malah Tasik Kenyir juga mempunyai 14 buah air terjun yang indah dengan deruan air yang memecah kesunyian hutan. Di kawasan tertentu di tasik ini juga sesuai untuk bermandi-manda dan berkelah. Jika ingin menikmati ikan bakar, pengunjung boleh memancing atau menangkap ikan dengan menggunakan penembak.

Perjalanan mengharungi Tasik Kenyir memang mengasyikkan. Namun demikian, jangan terperanjat jika terserempak dengan binatang liar seperti harimau, seladang, dan tapir di sepanjang perjalanan. Bagi peminat burung pula, di dalam hutan sekitar tasik ini terdapat banyak spesies burung yang sukar dilihat di tempat-tempat lain. Namun demikian, kita dilarang menangkap burung-burung ini jika tidak mendapat kebenaran daripada pihak PERHILITAN negeri Terengganu.

Keunikan dan keindahan alam yang diceritakan ini hanya dapat dinikmati melalui khidmat perjalanan yang menyediakan kemudahan rumah dalam bot. Bot ini akan membawa para pelancong menjelajah dan menyusuri keindahan kawasan Tasik Kenyir. Tasik Kenyir ialah satu daripada destinasi pelancongan yang terkandung di dalam kalendar "Cuti-cuti Malaysia".

- 1 Tujuan utama Tasik Kenyir dibina dan diwujudkan ialah
 

<p><b>A</b> untuk aktiviti pelancongan.</p> <p><b>B</b> sebagai destinasi pelancongan.</p>	<p><b>C</b> sebagai empangan yang terbesar.</p> <p><b>D</b> untuk menghasilkan tenaga elektrik.</p>
--	---
  
- 2 Bagaimanakah pulau-pulau wujud di Tasik Kenyir?
 

<p><b>A</b> Berasal daripada tanah daratan</p> <p><b>B</b> Berasal daripada bukit yang tenggelam</p>	<p><b>C</b> Berasal daripada aliran 30 batang sungai</p> <p><b>D</b> Berasal daripada daratan yang diairi oleh tasik</p>
--	--
  
- 3 Mengapakah perjalanan mengharungi Tasik Kenyir agak menyeramkan?
 

<p><b>A</b> Pokok mati ditemui di sepanjang perjalanan</p> <p><b>B</b> Terdapat raksasa yang menghuni dasar tasik</p> <p><b>C</b> Terdapat tunjang pokok mati dan kayu balak yang terapung</p> <p><b>D</b> Seperti pengembaraan yang terdapat dalam sesebuah filem</p>	
--	--
  
- 4 Apakah aktiviti pelancongan yang terkenal di Tasik Kenyir?
 

<p><b>A</b> Memancing ikan air tawar</p> <p><b>B</b> Menyaksikan pelancong memancing</p> <p><b>C</b> Menangkap ikan dengan menggunakan penembak</p> <p><b>D</b> Menangkap ikan baung, toman, sebarau, dan kelah</p>	
---	--
  
- 5 Apakah keistimewaan air terjun yang terdapat di kawasan hutan itu?
 

<p><b>A</b> Alirannya memecah kesunyian hutan</p> <p><b>B</b> Sesuai untuk berkelah dan memancing</p>	<p><b>C</b> Airnya jernih dan sejuk, terdapat banyak ikan</p> <p><b>D</b> Aktiviti "jungle tracking" boleh dijalankan di situ</p>
---	---



**B** Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

- "Yang kekal **cuma** Allah **sahaja**," jelas Ustaz Mohammad Osmera kepada anak muridnya. (salah)  
"Yang kekal **cuma** Allah," jelas Ustaz Mohammad Osmera kepada anak muridnya. (betul)  
{Penggunaan kata penegas "cuma" dan "sahaja" tidak tepat, kedua-duanya membawa maksud yang sama}
- Pertandingan mencari harta karun itu **hanya** terbuka kepada ahli Kelab Puncak Niaga **sahaja**. (salah)  
Pertandingan mencari harta karun itu terbuka kepada ahli Kelab Puncak Niaga **sahaja**. (betul)  
{Penggunaan kata penegas "hanya" dan "sahaja" tidak tepat, kedua-duanya membawa maksud yang sama}

1. Encik Aminuddin dan keluarganya bercuti ke Pulau Langkawi ..... seminggu. (hanya, sahaja)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
2. Saya ..... ingin mengikuti jejak kakak saya menjadi seorang jurutera perkapalan. (cuma, juga)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
3. Izzaty Husna ..... keluar bermain apabila semua kerja sekolahnya sudah selesai. (cuma, hanya)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
4. Ayah saya memberikan wang saku sebanyak seringgit ..... kepada saya setiap hari. (hanya, sahaja)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
5. "Pensel itu tidak mahal ..... tiga puluh sen sebatang," kata Nurul Hidayah kepada emaknya. (cuma, sahaja)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_



**C** Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan menggunakan kata pemerai yang betul.

- 1 Basikal baru yang berwarna kuning itu ..... hadiah hari lahir adik saya. (adalah, ialah)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Songket ..... satu daripada hasil kraf tangan tradisional masyarakat Melayu. (adalah, ialah)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Antara hal yang disentuh dalam persidangan itu ..... tentang misi bantuan ke Aceh. (adalah, ialah)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Komputer riba itu ..... merupakan satu daripada model terbaru keluaran syarikatnya. (adalah, ialah)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Murah dengan senyuman semasa bertugas ..... amalan yang disenangi oleh para pelanggan. (adalah, ialah)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



**D** Pilih kata hubung yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- \_\_\_\_\_ malam telah larut, Zulaikha masih belum pulang.  
A Kerana C Meskipun  
B Apabila D Semenjak
- Kita mesti bersikap amanah \_\_\_\_\_ tidak dibenci oleh kawan-kawan.  
A kerana C supaya  
B apabila D walaupun
- \_\_\_\_\_ menunggu nasi masak, Mak Milah mencuci pinggan mangkuk.  
A Untuk C Selepas  
B Kerana D Sementara
- \_\_\_\_\_ hujan lebat, kedua-dua pasukan tetap meneruskan perlawanan bola sepak itu.  
A Sebab C Sekiranya  
B Kecuali D Walaupun
- Penduduk Desa Banjar Jaya diarahkan supaya berpindah segera \_\_\_\_\_ air Sungai Perak semakin naik.  
A lalu C supaya  
B kerana D walaupun
- Mohammad Farid membuka buku nota Bahasa Melayu, \_\_\_\_\_ membacanya.  
A lalu C untuk  
B atau D selagi
- \_\_\_\_\_ kebakaran itu berlaku, Encik Halim sekeluarga tiada di rumah.  
A Jika C Tatkala  
B Kerana D Setelah
- Lawatan \_\_\_\_\_ belajar ke Taman Botani, Putrajaya akan diadakan pada minggu depan.  
A untuk C kerana  
B sambil D apabila
- \_\_\_\_\_ kejadian itu, hatinya sentiasa tidak tenteram dan tenang.  
A Selagi C Semenjak  
B Apabila D Sementara
- Kakak Nurul Aina mengucapkan selamat tinggal \_\_\_\_\_ mengesat air matanya ketika dia hendak berangkat ke Tanah Suci.  
A maka C sambil  
B tetapi D malahan



**E** Pilih kata berimbuhan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- Saya rasa tentu anak saya banyak \_\_\_\_\_ dalam pelajaran kerana dia selalu sakit.  
A tertinggal C ketinggalan  
B ditinggalkan D tertinggalkan
- Nurul Khalilah asyik melihat \_\_\_\_\_ bintang-bintang di langit pada malam itu.  
A gemerlap C bergemerlap  
B gemerlapan D bergemerlapan
- Alif berlari sangat pantas hingga tak \_\_\_\_\_ oleh peserta-peserta 100 meter yang lain.  
A tersaingi C menyaingi  
B bersaing D tersaingkan
- Kawasan lombong tinggal itu sangat \_\_\_\_\_ dan tidak sesuai dijadikan tempat bermain.  
A berbahaya C merbahaya  
B membahayakan D membahayakan
- Jurujuwal kereta terpakai itu menggunakan iklan palsu untuk \_\_\_\_\_ para pelanggannya.  
A dipedaya C diperdayakan  
B memperdaya D memperdayakan
- "Ridzman, di mana penunggang motosikal yang \_\_\_\_\_ awak itu?" tanya Kamil.  
A dilanggar C terlanggar  
B berlanggar D melanggar
- Ahmad Khusairee \_\_\_\_\_ sebetuk cincin berlian di padang sekolah pagi tadi.  
A berjumpa C perjumpaan  
B menjumpai D menjumpakan
- \_\_\_\_\_ yang disampaikan oleh Ustaz Ishak sangat jelas dan berkesan.  
A Belajar C Pengajaran  
B Pengajar D Pembelajaran
- Pak Abu membersihkan \_\_\_\_\_ itu selepas membakar kemenyan.  
A berbara C perbara  
B baranya D barakan
- Siti Shakinah \_\_\_\_\_ kejayaan yang gemilang hasil usaha gigihnya.  
A perolehi C memperoleh  
B perolehan D memperoleh



Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

**Bahagian A**

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]  
[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.



**BAHAGIAN A**

Nombor Soalan	
---------------	--

-----

-----

-----


-----

-----

-----

-----

-----







### Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]  
[30 markah]

Masa lapang seseorang boleh diisi dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah, satu daripadanya ialah berkebun. Tuliskan faedah-faedah berkebun.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan **pilih jawapan yang betul**.

melepak	menambah	pengalaman	menampung	aktiviti
menyihatkan	diperoleh	kebaikan	dibahagikan	melakukan

#### FAEDAH-FAEDAH BERKEBUN

Pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan pada waktu lapang. Satu daripada aktivitiya ialah berkebun. Berkebun pula boleh **...(1)...** kepada beberapa kategori. Antaranya ialah berkebun sayur-sayuran atau berkebun bunga.

Berkebun boleh mendatangkan banyak faedah kepada kita. Berkebun juga boleh **...(2)...** badan. Semasa menjalankan **...(3)...** berkebun, badan kita akan berpeluh dan ini baik untuk kesihatan.

Di samping itu, berkebun dapat menghindarkan kita daripada **...(4)...** perkara yang tidak berfaedah. Kita terhindar daripada aktiviti **...(5)...**, berpelesenan, dan aktiviti yang kurang sihat. Masa senggang kita tidak terbuang begitu sahaja.

Pengetahuan dan **...(6)...** kita akan bertambah dengan berkebun. Kita dapat mengetahui pelbagai teknik dalam bidang pertanian. Ini boleh **...(7)...** melalui kerja-kerja membuat batas, menabur baja, dan menanam anak benih.

Selain itu, berkebun juga boleh **...(8)...** ekonomi kita. Apabila tanaman kita mengeluarkan hasil yang banyak, kita boleh menjualnya. Hasil jualan boleh digunakan untuk **...(9)...** perbelanjaan harian atau disimpan sebahagiannya.

Sebagai kesimpulan, berkebun memang mendatangkan banyak **...(10)...** kepada kita. Oleh itu, jadikanlah aktiviti berkebun sebagai salah satu cara mengisi masa lapang dengan berfaedah.

#### BAHAGIAN B

Nombor Soalan	
---------------	--

30



**Bahagian C**

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

**[20 markah]**


1. Tulis beberapa kesan baik yang kamu boleh dapati daripada petikan rencana di bawah.  
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan.**  
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Malaysia adalah sebuah negara yang pesat membangun. Walaupun rakyatnya berbilang kaum, tetapi mereka hidup bersatu-padu dan dalam suasana yang aman serta harmoni. Hal ini demikian kerana sikap rakyatnya yang bertoleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Sikap dan budaya inilah juga yang membawa Malaysia di ambang kemajuan dalam masa yang agak singkat. “Malaysia Boleh” bukan satu khayalan tetapi merupakan satu kenyataan.

Para pelancong asing juga menjadikan negara Malaysia sebagai satu daripada destinasi pilihan untuk mereka bercuti dan berehat. Integrasi antara semua lapisan masyarakat Malaysia telah berjaya menyemai sikap bersopan santun dan berbudi bahasa. Amalan berbudi bahasa rakyat Malaysia inilah yang menjadi satu daripada tarikan pelancong asing untuk datang ke rantau ini. Oleh sebab itulah, Malaysia juga merupakan sebuah negara yang disegani dan dihormati di mata dunia.

**Nombor Soalan**

**Bahagian C**

A

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

Aku melihat ayah menarik nafas panjang sambil mengeluh dan menggeleng-gelengkan kepalanya. Ibu pula tunduk sahaja. Beberapa titis air mata membasahi pipinya. Aku tahu betapa hancurnya hati ibu dan ayah serta keluarga kami. Harapan yang selama ini diletakkan di atas bahu abang hancur lebur menjadi abu.

Aku masih ingat pada petang itu seorang pegawai polis datang ke rumahku. "Encik diminta datang ke Balai Polis Labu Kubung sekarang. Anak encik, Rosdhan bin Majid ditangkap kerana disyaki menagih dadah," kata pegawai polis itu kepada ayah.

Perbuatan abang benar-benar memeranjatkan keluarga kami. Dia menconteng arang ke muka keluarga. Hati siapa yang tidak hancur dengan perbuatan abang. Anak sulung yang selama ini diharapkan membawa segulung ijazah, bukan sahaja gagal berbuat demikian tetapi menjadi penagih dadah pula. Aku dapat merasai kesedihan dan kekesalan yang ditanggung oleh ayah dan ibu. Harapan mereka hancur berkecai. Harapan penduduk kampung pun begitu juga.

Pada suatu masa dahulu, Abang Rosdhan **menjadi buah mulut penduduk kampung**. Abang Rosdhan merupakan satu-satunya anak Kampung Kunci Air Empat, Labu Kubung yang berjaya menjejakkan kaki di menara gading. Kejayaan itu menjadi kebanggaan penduduk kampung. Kini, nasi sudah menjadi bubur. Abang Fahmi menjadi penghuni di salah sebuah pusat pemulihan dadah.

Aku bertekad untuk menebus malu ayah dan ibu. Biar aku dan adik-adikku menjadi penawar duka yang dialami oleh mereka. Mulai saat ini, aku mesti belajar dengan lebih tekun lagi. Akan kubuktikan bahawa aku bukannya seperti Abang Rosdhan.

Aku sedar, ayah dan ibu sering berdoa agar Abang Rosdhan kembali ke pangkal jalan. Biarlah dia insaf akan kesalahannya. Biarlah dia pulang ke pangkuan keluarga kami dan meninggalkan tabiat buruk tersebut. Mudah-mudahan dia akan menjadi seorang insan yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara. Mungkin dia akan menyambung cita-citanya yang belum kesampaian. Aku penuh yakin Abang Rosdhan mempunyai kekuatan untuk melakukannya.

- Apakah harapan penulis terhadap abangnya?
  - Menjadi seorang yang kuat semangat
  - Ingin menyambung cita-cita abangnya
  - Segera keluar dari pusat pemulihan dadah
  - Insaf akan kesalahan yang dilakukan olehnya
- Frasa **menjadi buah mulut penduduk kampung** dalam cerita tersebut membawa maksud
 

<b>A</b> memburukkan nama keluarga.	<b>C</b> menjadi kemarahan orang kampung.
<b>B</b> memalukan orang-orang kampung.	<b>D</b> menjadi bahan percakapan orang kampung.
- Pernyataan yang manakah yang **tidak benar** tentang Rosdhan?
 

<b>A</b> Dia abang kepada penulis	<b>C</b> Dia ditangkap kerana mengedar dadah
<b>B</b> Dia gagal menyambung pelajarannya	<b>D</b> Dia pernah menjadi kebanggaan keluarga
- Mengapakah penulis bertekad ingin belajar bersungguh-sungguh?
  - Kerana mahu mengubati kekecewaan ibu dan ayah
  - Kerana dia tidak mahu disamakan dengan abangnya
  - Kerana ingin menyambung cita-cita abangnya yang belum kesampaian
  - Kerana mahu membuktikan kepada penduduk kampung bahawa dia seorang yang pandai
- Apakah ungkapan yang paling sesuai bagi menggambarkan perenggan akhir cerita berkenaan?
  - Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
  - Menggenggam bara api biar sampai jadi arang
  - Kalau sesat di hujung jalan, kembalilah ke pangkal jalan
  - Berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul



**B** Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

**Siapakah yang suka membuang sampah sarap di kawasan padang badminton ini. (salah)**  
**Siapatah yang suka membuang sampah sarap di kawasan padang badminton ini. (betul)**  
{Kata penegas (partikel) -tah digunakan untuk menegaskan ayat **penyata** dan menyatakan **situasi tidak sabar**}  
{Kata penegas (partikel) -kah, -lah, dan -tah digunakan untuk menegaskan frasa predikat (cerita) sahaja}

**Bilatah agaknya abang saya akan melangsaikan hutang-hutang lapuknya pada bank itu? (salah)**  
**Bilakah agaknya abang saya akan melangsaikan hutang-hutang lapuknya pada bank itu? (betul)**  
{Kata penegas (partikel) -kah digunakan untuk menegaskan ayat **tanya** dan menegaskan ayat **seruan**}  
{Kata penegas (partikel) -kah, -lah, dan -tah digunakan untuk menegaskan frasa predikat (cerita) sahaja}

1. Apa ..... yang kamu bawa di dalam beg plastik itu? (-kah, -lah, -tah)  
 Jawabannya : \_\_\_\_\_
2. Pak Cik itu ..... yang telah menghantar saya ke klinik semalam. (-kah, -lah, -tah)  
 Jawabannya : \_\_\_\_\_
3. Siapa ..... yang gemar main layang-layang di kawasan lapang itu. (-kah, -lah, -tah)  
 Jawabannya : \_\_\_\_\_
4. Buat ..... seperti yang telah dirancang jika kamu ingin berjaya. (-kah, -lah, -tah)  
 Jawabannya : \_\_\_\_\_
5. Oh, alang ..... bertuahnya kamu kerana mempunyai keluarga yang bahagia! (-kah, -lah, -tah)  
 Jawabannya : \_\_\_\_\_



**C** Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan menggunakan **kata sendi** yang betul.

- 1 Oleh kerana terlalu letih bekerja, Abdul Halim tertidur di sofa itu.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Lukisan potret wajah artis terkenal itu ada dengan Encik Raisudin.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Di masa kejadian itu, Intan masih kecil dan tidak tahu apa-apa lagi.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Novel yang dibaca oleh kakak itu berkisar sebab pergolakan jiwa remaja.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 "Saya datang daripada Kuala Pilah," kata pemuda itu memperkenalkan dirinya.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**D**

Pilih kata bilangan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- 1 Saya bertolak dari rumah ke pejabat pada pukul enam pagi \_\_\_\_\_ hari.  
A suatu                      C tiap-tiap  
B semua                     D banyak-banyak
- 2 Di dalam kotak merah itu terdapat \_\_\_\_\_ biji limau yang sudah busuk.  
A setiap                      C pelbagai  
B semua                     D beberapa
- 3 Pencemaran berlaku kerana sikap \_\_\_\_\_ kecil individu yang tidak bertanggungjawab.  
A seluruh                    C beberapa  
B seorang                    D sebilangan
- 4 Cikgu Imran telah memanggil \_\_\_\_\_ orang murid yang bergaduh untuk berjumpa dengan Guru Besar.  
A kedua                      C kedua-dua  
B berdua                     D berdua-dua
- 5 Wakil penduduk Taman Rantau Panjang akan mengemukakan \_\_\_\_\_ masalah tentang taman mereka kepada pihak pemaju esok .  
A suatu                        C bahagian  
B segala                      D seperdua
- 6 Taklimat itu diadakan khas untuk \_\_\_\_\_ pelajar yang baru mendaftar di kolej itu.  
A tiap                         C seorang  
B para                        D setengah
- 7 Anak saya yang \_\_\_\_\_ sering mendapat markah tertinggi dalam semua mata pelajaran.  
A kesatu                      C satu-satunya  
B pertama                    D kedua-duanya
- 8 \_\_\_\_\_ orang tidak suka makan ikan laut selepas bencana tsunami melanda Asia.  
A Semua                      C Setengah  
B Separuh                    D Sesetengah
- 9 \_\_\_\_\_ pendatang yang masuk ke negara ini dikehendaki memiliki visa yang sah dari segi undang-undang Imigresen Malaysia.  
A Setiap                      C Beberapa  
B Setengah                   D Sebahagian
- 10 "Sebanyak \_\_\_\_\_ buah rumah teres telah hangus terbakar di Desa Seri Damai pagi tadi," kata Ketua Polis Balai kepada pemberita.  
A seluruh                    C setengah  
B sepuluh                    D sebahagian

**E**

Pilih kata ganda yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- 1 Emak menghidangkan kuih untuk \_\_\_\_\_ yang hadir.  
A tetamu                      C dedaun  
B bebalai                     D bebawang
- 2 Banyak \_\_\_\_\_ membiak dalam air yang bertakung di tin-tin kosong itu.  
A kisi-kisi                    C daun-daun  
B kuda-kuda                   D jentik-jentik
- 3 Pokok \_\_\_\_\_ di belakang rumah saya sangat besar dan tinggi.  
A kekabu                      C kekacang  
B bebuluh                    D bebawang
- 4 \_\_\_\_\_ pada tiang rumah Pak Hamidun itu sudah reput.  
A Kisi-kisi                    C Kuda-kuda  
B Siku-siku                   D Tupai-tupai
- 5 Sabarina selalu membeli kuih \_\_\_\_\_ yang lembut dan manis.  
A agar-agar                   C gado-gado  
B epok-epok                   D onde-onde
- 6 Budak-budak lelaki itu bermain \_\_\_\_\_ di padang sekolah.  
A ubur-ubur                   C epok-epok  
B onde-onde                   D layang-layang
- 7 Pak Cik Muzaffar Shah memelihara beberapa ekor anak \_\_\_\_\_ di dalam kolam itu.  
A labi-labi                    C jentik-jentik  
B anai-anai                   D denai-denai
- 8 Kakak sedang menjahit \_\_\_\_\_ kelambu yang telah koyak.  
A sesiku                      C bebenang  
B langit                        D gegendang
- 9 \_\_\_\_\_ komputer di pejabat sekolah saya sudah rosak.  
A Bebola                      C Tetikus  
B Kekura                      D Tetupai
- 10 Cahaya \_\_\_\_\_ bersinar-sinar di pohon berembang di tepi sungai itu.  
A kelip-kelip                C rama-rama  
B kupu-kupu                   D bintang-bintang




Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

### Bahagian A

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]  
[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.



### BAHAGIAN A

Nombor Soalan	
---------------	--

-----

-----

-----


-----

-----

-----

-----

-----





### Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]  
[30 markah]

Tuliskan suatu karangan berdasarkan peribahasa “Di mana Ada Kemahuan, Di situ Ada Jalan”..

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan pilih jawapan yang betul.

berusaha	meneroka	disingkir	ikhtiar	sinonim
bersemangat	dilakukan	berusaha	landasan	memastikan

#### DI MANA ADA KEMAHUAN, DI SITU ADA JALAN

“Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan” peribahasa ini bermaksud, jika kita mahu melakukan sesuatu, walau bagaimana sukar sekalipun pekerjaan itu, kita tetap **...(1)...** untuk melaksanakannya.

Peribahasa ini **...(2)...** dengan peribahasa “hendak seribu daya, tak nak seribu dalih”. Contohnya, jika seseorang itu mahu akan sesuatu maka dia perlu berusaha sedaya upaya untuk mendapatkannya. Bukan setakat berusaha tetapi **...(3)...** kejayaan menjadi miliknya.

Begitu juga halnya jika seseorang murid itu gagal dalam peperiksaan. Dia mesti **...(4)...** dengan lebih gigih dan tabah. Kegigihan dan ketabahan usahanya itulah yang akan menjanjikan kejayaan buat dirinya. Sepatutnya kegagalan itu dijadikan **...(5)...** dan motivasi bagi mencipta kejayaan.

Sebenarnya, kepayahan dan kegagalan masa lalu juga dapat dijadikan penggerak untuk **...(6)...** puncak kejayaan. Oleh itu, kita tidak seharusnya cepat berputus asa. Usaha dan **...(7)...** yang maksimum tentunya dapat merealisasikan fantasi.

Sehubungan dengan itu, seseorang yang benar-benar mahu menebus sesuatu kegagalan, akan melakukan pelbagai usaha dan ikhtiar. Jika dia kurang **...(8)...**, maka berbagai-bagai alasan akan diberikan. Untuk berjaya, segala alasan mesti **...(9)...**, usaha dan ikhtiar perlu diteruskan.

Kesimpulannya, peribahasa “di mana ada kemahuan, di situ ada jalan” mampu mengingatkan kita bahawa sesuatu pekerjaan yang sukar akan berhasil jika **...(10)...** dengan bersungguh-sungguh. Usaha yang gigih, pasti menjanjikan kejayaan.

#### BAHAGIAN B

Nombor Soalan	
---------------	--

30
----



Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

**Bahagian C**

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]

1. Tulis beberapa kesan dan pengajaran yang kamu boleh dapati daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Bas bertolak meninggalkan kawasan sekolah. Sepanjang perjalanan kami menyanyi dengan iringan petikan gitar oleh Cikgu Sazali. Kira-kira satu jam perjalanan, kami sampai di tapak perkhemahan. Kami diarahkan mengangkut segala peralatan seperti khemah, peralatan memasak, dan bekalan makanan. Selepas itu, setiap kumpulan diminta memasang khemah dengan bantuan guru. Cikgu Ng Mei Kwan, Cikgu Faezah, dan beberapa orang murid perempuan sibuk memasak untuk makan pada tengah hari itu.

Setelah juadah siap dimasak, kami pun makan tengah hari. Walaupun hanya berlaukkan sardin dan telur goreng, kami makan dengan begitu berselera. Selepas makan kami berehat. Selepas itu, kami dibawa meredah hutan. Perjalanan agak sukar. Pegawai Jabatan Hutan Pengkalan Hulu yang mengetuai kami turut menerangkan tentang beberapa jenis pokok dan kegunaannya. Tiba-tiba... kami terdengar jeritan. Rupanya beberapa orang budak perempuan terserempak dengan seekor biawak bukit.

Nombor Soalan	
---------------	--

**Bahagian C**

Area for writing the answer, consisting of a large rectangular box with a dashed border and horizontal dotted lines for writing.

